



**ADDITIONAL DIRECTIVE (II) ON REQUIREMENT TO USE
FLEETCARD FOR SALES OF DIESEL AND GASOLINE FOR
COMMERCIAL VEHICLES AND VESSELS.**

DIESEL and GASOLINE are subsidised petroleum products and their export is restricted under the **Customs (prohibition and restriction on Imports and Exports) Order**.

As part of the efforts of the Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam to ensure the sales of petroleum products are continually controlled, the Energy Division of the Prime Minister's office hereby announces the following steps with immediate effect:-

1. For commercial vehicles, each filling shall be directly into the original tank of the vehicle and shall use Fleetcard approved by the Authority;
2. For commercial vessels, each filling shall be directly into fixed and/or portable tanks which meets internationally approved safety standards and shall use Fleetcard approved by the Authority. Each filling shall be made from a designated petrol station or from BSM Commercial Bunkering Facilities or BSM approved Commercial Bunkering Facilities;
3. All purchases for industrial use shall use Fleetcard approved by the Authority. Each purchase at petrol stations shall not exceed 400 litres, shall be in portable tanks which meet internationally approved standards and shall be restricted to Brunei Darussalam identity card holders only; and
4. Rates to be paid and maximum volume for oil products purchase using Fleetcard stated in this Directive will be set by the Authority.

Issued by : Energy Division, Prime Minister's Office,
Bandar Seri Begawan,
BRUNEI DARUSSALAM.

Date of Issue : 15 April 2008

For additional information on the above steps, please call the following telephone numbers 2387109 / 2387110 or visit the following website : <http://www.up.gov.bn> / www.petroleum-unit.gov.bn



**ARAHAN TAMBAHAN (II) MENGENAI KEPERLUAN
PENGUNAAN 'FLEETCARD' UNTUK PENJUALAN DIESEL DAN
GASOLIN BAGI KENDERAAN DAN KAPAL LAUT KOMERSIL.**

DIESEL dan GASOLIN adalah produk minyak yang diberikan subsidi dan merupakan produk yang pengekspornannya terhad di bawah Perintah Kastam (**Larangan dan Sekatan ke atas Impot dan Ekspot**).

Dalam usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memastikan penjualan produk-produk minyak adalah sentiasa terkawal, Bahagian Tenaga Jabatan Perdana Menteri dengan ini memaklumkan langkah-langkah yang akan dikuatkuasakan dengan sesegeranya :-

1. Bagi kenderaan komersil, setiap pengisiannya hendaklah secara langsung ke dalam tangki minyak kenderaan asal dan hendaklah menggunakan kemudahan 'Fleetcard' yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa;
2. Bagi kapal-kapal laut, perahu-perahu dan bot-bot komersil, setiap pengisiannya hendaklah secara langsung ke dalam tangki minyak tetap dan/atau mudah alih yang memenuhi piawaian keselamatan yang diluluskan antarabangsa dan hendaklah menggunakan kemudahan 'Fleetcard' yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa. Setiap pengisiannya hendaklah dibuat dari stesen minyak yang ditetapkan atau dari *BSM Commercial Bunkering Facilities* atau *Commercial Bunkering Facilities* yang diluluskan oleh BSM;
3. Semua pembelian bagi kegunaan industri, hendaklah dibuat dengan menggunakan kemudahan 'Fleetcard' yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa. Bagi setiap pembelian di stesen-stesen minyak tidak boleh melebihi 400 liter, hendaklah ke dalam tangki-tangki mudah alih yang memenuhi piawaian keselamatan yang diluluskan antarabangsa, dan hendaklah terhad kepada pemegang-pemegang kad pengenalan Negara Brunei Darussalam sahaja; dan
4. Kadar-kadar bayaran dan jumlah maksimum pembelian Produk-Produk Minyak dengan menggunakan 'Fleetcard' yang disebut dalam Arahkan ini hendaklah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa.

Dengan Arahkan oleh : Bahagian Tenaga, Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dikeluarkan : 15 April 2008

Untuk mendapatkan makluman tambahan mengenai langkah-langkah ini, sila hubungi talian-talian telepon nombor 2387109 / 2387110 atau
Website: <http://www.up.gov.bn> / www.petroleum-unit.gov.bn